

Evolusi Konsep Manusia dalam Tasawur Barat

Evolution of Human Concepts in Western Tasawur

Mohd. Yusof Othman¹, Faszly Rahim², Wan Nasyrudin Wan Abdullah³, Aulia Rahman Zulkarnain¹

¹ Institut Islam Hadhari, UKM, Bangi, Malaysia;

² Kolej PERMATA Insan, USIM, Nilai, Malaysia;

³ Jabatan al-Quran dan Sunnah, UKM, Bangi, Malaysia

Progres Artikel

Diterima: 4 Jun 2018

Disemak: 10 Oktober 2018

Diterbit: 30 November 2018

*Corresponding Author:

Aulia Rahman Zulkarnain
Institut Islam Hadhari, UKM,
Bangi, Malaysia;

Email:

auliarahman919@gmail.com

Abstrak: Tasawur mempengaruhi pandangan manusia terhadap persoalan hakikat dan kejadian manusia. Pandangan Islam terhadap persoalan ini tidak pernah berubah walaupun dianuti oleh pelbagai bangsa dan budaya disebabkan sumber wahyu menjadi kerangka asas kepada tasawur Islam. Quran dan sunnah telah memberikan garis panduan yang jelas mengenai hakikat manusia dan juga kejadian manusia diciptakan. Oleh demikian pendapat muslim mengenai isu ini kukuh dan tidak berubah sehingga ke zaman moden. Hal ini berbeza dengan tamadun Barat yang melalui perubahan pandangan terhadap isu ini disebabkan berlaku perubahan dan evolusi kepada tasawur mereka. Umumnya, pandangan masyarakat Barat terhadap hakikat dan kejadian manusia berevolusi daripada mitos penciptaan Yunani Kuno kepada penciptaan oleh Tuhan yang Esa sewaktu era Kristian dan akhirnya kepada tasawur naturalistik yang tidak menempatkan tuhan dalam kejadian manusia. Artikel ini cuba menjelaskan kaitan antara evolusi pemikiran dan tasawur masyarakat terhadap hakikat serta penciptaan manusia.

Kata kunci: Tasawur Barat, evolusi pemikiran, hakikat manusia, asal usul manusia

Abstract: Worldview is a mental concept on how we understand and view the world. It shapes our views on the concept of human and its nature. The concept of man in Islam has never been changed despite being embraced by millions of people from different races and countries. This is because Muslim has the same worldview which give a clear concept of man. Thus Muslim has a consensus regarding this issue and remains constant throughout the times. This is in contrast to the Western that has through several changes in their views on man according to the evolution of western worldview. Generally, their view of man evolved from the ancient Greek creation's myth to Christian views, and ultimately to the naturalistic worldview. This article discusses the relationship between the evolution of the worldview and the view and perspective to the concept of man.

Keywords: Western worldview, evolution of thought, concept of man, human origin

Pengenalan

Asal usul kejadian merupakan perbincangan yang sering mengundang konflik di antara ahli sains dan juga ahli agama di Barat (Mohd Yusof 2009). Hal ini jelas apabila persoalan mengenai asal usul kejadian manusia tidak pernah selesai walaupun perkembangan sains dan teknologi semasa yang jauh lebih moden dan maju sudah tercipta. Konsep dan hakikat manusia Barat berubah-ubah berdasarkan zaman dan bidang ilmu yang menafsirkannya (Abdul Latif 2009). Perubahan kefahaman ini disebabkan perubahan tasawur atau pandangan alam (*worldview*) masyarakat di Barat seiring dengan perubahan pemikiran dan agama yang mereka anuti. Pandangan alam atau *worldview* berasal dari istilah Jerman, *weltanschauung* yang diperkenalkan oleh Immanuel Kant karyanya *Critique of Judgment* (1790). Istilah ini ditakrifkan beliau sebagai kemampuan untuk memahami dan menerangkan pengalaman yang dilalui dalam minda manusia.

Konsep ini kemudiannya dikembangkan oleh sarjana Barat yang lain seperti Sigmund Freud dan Leo Apostel. Istilah *weltanschauung* kemudiannya diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris sebagai *worldview* (Vidal, 2008). Secara umum, pandangan alam atau tasawur boleh ditakrifkan sebagai cara pandang dan pemahaman manusia terhadap realiti dan hakikat dunia di sekelilingnya (Shukri 2014). Malah pemahaman ini turut melingkupi pandangan terhadap alam semesta dan kehidupan manusia.

Tasawur memainkan peranan penting dalam pembentukan peradaban kerana ianya mempengaruhi kepercayaan, pendapat dan tindakan sesebuah masyarakat (Vidal, 2008). Oleh demikian apabila terjadi perubahan terhadap tasawur sesebuah masyarakat maka padangan mereka mengenai alam, kehidupan dan asal usul manusia juga akan diganti dengan konsep baru yang bersesuaian dengan tasawur masyarakat tersebut. Pandangan masyarakat Barat terhadap penciptaan manusia berubah mengikut zaman dan perkembangan ilmu yang banyak dipengaruhi peristiwa-peristiwa di sekeliling mereka yang melahirkan ideologi dan falsafah baru. Dalam makalah ini, penulis mengecilkan skop perbincangan kepada perkembangan yang terjadi pada kerajaan dan tamadun besar Barat seperti Yunani dan Rom seterusnya masyarakat Barat moden secara umum. Secara ringkas pandangan masyarakat Barat terhadap hakikat dan kejadian manusia berevolusi daripada mitos penciptaan Yunani Kuno kepada penciptaan oleh Tuhan yang Esa sewaktu era Kristian Rom, dan akhirnya kepada tasawur naturalistik moden.

Konsep Manusia dalam tamadun Barat

Mitos Penciptaan Yunani dan Rom Kuno

Pada zaman Yunani kuno, pandangan mengenai alam dan manusia diciptakan oleh dewa menguasai masyarakat. Oleh kerana itu ritual dan penyembahan terhadap dewa-dewa berlaku secara meluas sebagai tanda pengagungan kepada pencipta manusia (Fritz Graf 1996). Kepercayaan terhadap mitos penciptaan atau penciptaan bersumberkan mitologi bukan hanya terjadi pada tamadun Yunani Kuno bahkan ianya sering dijumpai dalam tamadun yang berteraskan agama politeisme yakni mempercayai dan menyembah lebih daripada satu tuhan. Perkara ini turut ditemukan pada tamadun terdahulu seperti Mesopotamia, India dan Mesir Purba dimana mereka sememangnya terkenal mempunyai dewa sembah yang banyak. Dalam pandangan ini, manusia dijadikan oleh dewa atau dewa-dewa. Kisah-kisah penciptaan itu kadangkala penuh dengan mistik dan simbol yang mempunyai hubungan dengan alam sekitarnya (Abu Hassan, 1984). Manusia pada tamadun ini dianggap tidak signifikan, kerana para dewa tidak mengambil kisah terhadap manusia dan hanya memerlukan manusia melakukan ritual dan pengorbanan kepada mereka sahaja. Sebagai contoh dalam mitologi Yunani kuno, salah satu dewa mereka, Prometheus menciptakan manusia daripada tanah liat. Prometheus di bantu adiknya, Epimetheus, tetapi beliau berlaku cuai dan telah memberikan haiwan kelebihan fizikal yang lebih berbanding manusia. Maka Prometheus membetulkan keadaan dengan memberikan manusia kebolehan menggunakan api dan kemahiran bertukang.

Pandangan ini mula berubah apabila ahli-ahli falsafah Yunani seperti Socrates (470-399SM), Plato (428-347 SM) dan Aristotle (384-322 SM) menyebarkan ajaran mereka kepada masyarakat Yunani (Wan Fuad, 2009). Menurut Aristotle dewa-dewa yang dipercayai oleh generasi sebelumnya tidak tepat dan bertentangan dengan rasional. Beliau mengemukakan pandangan yang baru dimana beliau mengenyahkan perincian-perincian material dan zat dewa Yunani yang mempunyai ciri-ciri manusiawi kerana ia langsung tidak menepati ciri-ciri ketuhanan seperti yang difikirkannya. Walaupun begitu para ahli falsafah pada zaman ini masih lagi menerima perpektif mistik mengenai tuhan. Mereka masih lagi mempercayai bahawa manusia diciptakan oleh dewa-dewa namun melalui pemahaman yang berbeza. Contohnya Plato telah memberi komentar di dalam karyanya yang terkenal bertajuk *Republic*, bahawa dewa-dewa telah bereksperimen dengan logam bermula daripada emas berakhir dengan besi dalam

menciptakan manusia, maka keturunan manusia adalah berasal daripada besi.

Pendapat Aristotle yang amat terkenal dan kontroversi pada zaman ini berkenaan penciptaan manusia adalah berkenaan dengan embriologi. Menurut Aristotle manusia diciptakan apabila sperma lelaki bercampur dengan darah haid perempuan yang bergumpal. Sperma manusia dikatakan mengandungi *homunculus* atau manusia bersaiz mikroskopik yang lengkap dan kemudiannya akan berkembang di dalam rahim seperti tumbuhnya pokok kecil. Falsafah Aristotle benar-benar memberi kesan dalam membentuk tasawur Eropah yang baru dan pandangan ini bertahan hingga abad ke-16 (Wan Fuad, 2009). Pendapat Aristotle mengenai *homunculus* ini akhirnya dinafikan dengan pandangan saintis Itali, Spallanzi pada tahun 1775 apabila dia berjaya membuktikan bahawa sperma dan ovum terlibat dalam pembentukan embrio.

Menurut Philip Matyszak (2010) mitos-mitos Yunani memberi kesan jangka masa panjang terhadap pembentukan tasawur berasaskan mitologi pada masyarakat Rom. Pada awalnya masyarakat Rom merupakan penganut agama animisme namun berubah secara beransur-ansur kepada penganut agama Pantheisme yang menyembah dewa-dewa. Menurut Hill (2007) dan Baker (2007) pengangkutan dan pemujaan berlaku secara melampau terhadap tokoh-tokoh Rom seperti raja dan panglima. Perkara ini membawa kepada amalan pendewaan yang melahirkan ramai dewa. Sebagai contoh berdasarkan mitos Rom, Mars adalah dewa perang dan juga ayah kepada Romulus dan Remus, pengasas kerajaan Rom. Romulus kemudiannya dipuja menjadi dewa Quirinus, dewa yang menjaga dan memerhati penduduk Rom (Hamilton, 1994).

Tasawur Kristian pada Zaman Pertengahan

Tasawur masyarakat Barat mengalami perubahan yang amat ketara setelah ramai daripada mereka menganut agama Nasrani/Kristian yang dibawa oleh nabi Isa a.s. Pada awalnya agama Nasrani berkembang di Baitulmaqdis tetapi berkembang hingga ke Eropah. Tasawur masyarakat Barat mula mengalami perubahan apabila ajaran-ajaran agama Nasrani yang didasari akidah tauhid menggantikan kepercayaan mereka terhadap dewa-dewa. Pada awalnya, ajaran Nabi Isa ini ditentang pembeda dan raja-raja kerajaan Rom seperti pemerintahan Raja Nero (64M), di mana beliau mengenakan hukuman mati kepada sesiapa yang menganuti agama tersebut. Sehingga selepas tahun 313M, apabila Raja Konstantine membuat Pengisytiharan Milan (*Edict of Milan*) yang mana beliau membenarkan agama Kristian bebas dianuti seperti agama-agama lain.

Dengan penerimaan agama Kristian oleh kerajaan Rom, agama Kristian mula tersebar di seluruh Eropah. Maka dengan tersebarnya Kristian secara meluas, pandangan masyarakat Barat terhadap manusia dan penciptaannya dibentuk berdasarkan tasawur Kristian (Wan Fuad 2009).

Penganut Kristian mempercayai bahawa Tuhan mencipta alam daripada ketiadaan (*ex-nihilo*). Pandangan mengenai penciptaan manusia di dalam Injil hampir sama dengan kitab-kitab agama samawi yang lain seperti Taurat dan Quran. Terdapat beberapa terdapat beberapa persamaan di dalam kitab Bible, iaitu semua agama samawi termasuklah Nasrani dan Islam, meyakini bahawa manusia pertama iaitu, Adam diciptakan oleh Allah daripada tanah. Cuma di dalam al-Quran, tidak dijelaskan secara terperinci bagaimana dan tempoh masa manusia diciptakan (Sulaiman, 2009). Menurut Crawford (1977), penganut agama Kristian mengimani bahawa manusia diciptakan daripada imej Tuhan seperti yang tertulis dalam bab Genesis. Mereka juga beranggapan bahawa manusia itu terdiri daripada jasad dan roh. Tujuan manusia diciptakan menurut Kristian adalah untuk menebus dosa warisan (*original sin*) yang dilakukan oleh Adam dan Hawa sewaktu di syurga (Bible, 2:8-9).

Adalah tidak menghairankan sekiranya terdapat persamaan pandangan antara Kristian dan Islam dalam isu ini kerana kedua-duanya merupakan ajaran tauhid yang datang dari Allah. Namun begitu berlaku tokoh tambah terhadap agama Kristian yang menyebabkan perubahan pada akidahnya serta ajarannya (Sulaiman, 2001). Menurut Zakaria (1996), tasawur Kristian berubah daripada tasawur tauhid apabila berlaku kemasukan unsur falsafah Yunani dan Yahudi kuno ke dalam ajaran agama tersebut. Pendapat dan ajaran falsafah Yunani kuno seperti oknum Trinita yang diperkenalkan oleh Plotinus (240SM) telah mendapat tempat di dalam gereja (Sulaiman, 2001). Kemasukan falsafah Yunani seperti falsafah Aristotle turut membawa pandangan-pandangan Plotinus berkenaan manusia seperti *homunculus*. Hal ini bukan sahaja mengubah tanggapan penganut Kristian terhadap manusia tetapi terhadap agama Kristian secara keseluruhan yang mengundang penentangan di antara ajaran agama dan akal.

Zaman Rennaisans, Reformasi dan Pencerahan

Pandangan manusia dari perspektif Kristian yang disulami falsafah Yunani ini terpakai berabad-abad lamanya hinggalah pada zaman pertengahan. Terdapat beberapa peristiwa berkaitan politik, agama dan sains di Barat yang telah membawa kepada zaman Rennaisans. Sewaktu Rennaisans terjadi anjakan dari segi keintelektualan dan falsafah dan menyebabkan

perubahan tasawur yang mendadak pada masyarakat Barat. Sebagai contoh, Gerakan Reformasi agama Kristian yang diketuai oleh Martin Luther (1483-1546M) yang menyebabkan lahirnya beberapa mazhab Kristian Protestan telah melakukan perubahan pemikiran penganut Kristian. Peristiwa ini menyebabkan negara-negara di Eropah bergolak dan berpecah. Bagi mengelakkan perpecahan bertambah serius, pada tahun 1542 Gereja Katolik di Sepanyol telah menguatkuasakan semula undang-undang *Inquisition*. Undang-undang ini menghukum siapa sahaja terutamanya para cendekiawan dan intelek yang berbeza pandangan dengan pihak Gereja atas tuduhan menyebarkan fahaman sesat (Sulaiman, 2009).

Pada waktu tersebut pihak Gereja telah mengambil falsafah-falsafah Aristotle tentang manusia dan alam. Pendapat beliau berkenaan kejadian manusia, bumi sebagai pusat alam, alam ini terhingga dan terdiri daripada tujuh lapis langit dan orbit planet bulat telah diambil jadi dogma agama Kristian. Oleh kerna falsafah ini menjadi ajaran Kristian, maka sesiapa sahaja yang tidak selari dengan falsafah dan juga pandangan Aristotle tentang alam, bermakna turut tidak bersetuju dengan pihak Gereja (Sulaiman, 2009). Copernicus misalnya, mengutarakan konsep bahawa bumi mengelilingi matahari, merupakan pendapat yang amat bertentangan dengan dogma gereja ketika itu. Menurut Jamil Rageb (2007), pendapat Copernicus yang menentang arus tasawur Kristian Katolik ketika itu kerana kajian beliau kuat dipengaruhi oleh kajian-kajian saintis Muslim, di mana pandangan mengenai matahari sebagai pusat diterima pakai dengan meluas oleh orang Islam. Peristiwa ini diteruskan lagi dengan rentetan-rentetan peristiwa yang menonjolkan adanya pertembungan pihak Gereja dan saintis di barat seperti hukuman mati G. Bruno yang kuat memperjuangkan ajaran Copernicus, penemuan Johannes Kepler (1571-1630) mengenai bentuk edaran elips, dan penemuan Galileo Galilei (1564-1642) mengenai planet-planet di sekitar bumi terus bertentangan dengan tasawur pihak Gereja. Oleh yang demikian, ramai para saintis dan intelektual yang telah dihukum oleh undang-undang *Inquisition* dan peristiwa ini telah menimbulkan kemarahan dan rasa permusuhan golongan intelek terhadap gereja. Mereka lebih senang untuk mengesampingkan agama atau paling tidak berkerja dalam suasana yang mengeneipkan soal-soal agama. Hal ini menjadi titik permulaan kepada pensekularan ilmu sains di Barat (Wan Fuad, 2009).

Penemuan saintifik sewaktu Revolusi Sains amat memberi kesan kepada tasawur masyarakat Barat. Dalam bidang biologi dan kedokteran, penemuan William Hervey (1578-1659) mengenai aliran darah dan jantung manusia telah membawa

kepada kesimpulan bahawa manusia merupakan sebuah jentera organik kerana manusia akan terus hidup selagi mana jentera utama yakni jantung terus berdegup. Begitu juga dengan penemuan Newton (1642-1727) apabila beliau menemui hukum graviti, dan menyimpulkan bahawa gravitilah yang menyebabkan bulan, matahari dan planet tetap beredar di orbitnya dengan sendirinya. Terdapat banyak lagi penemuan-penemuan yang menuju ke arah pemikiran bahawa alam ini adalah sebuah jentera (*mechanical world*) yang mana ia berfungsi tanpa campur tangan tuhan (Goldberg, 1984; Wan Fuad, 2009). Kesimpulan ini terjadi apabila beberapa misteri alam tabii diterangkan hanya melalui rasional dan empirik semata-mata secara perlahan-lahan menghilangkan peranan tuhan, perkara ghaib atau kesakralan alam tabii. Ditambah pula apabila pihak Gereja gagal menjelaskan misteri-misteri alam tabii ini dan sesetengah penemuan bercanggah dengan dogma dan doktrin Gereja itu sendiri. Maka masyarakat mula menerima pandangan rasional yang diberikan oleh para intelektual berbanding penjelasan pihak Gereja.

Kemudian ketika Eropah memasuki Zaman Pencerahan terdapat gerakan-gerakan yang berteraskan falsafah yang menolak peranan agama terhadap kehidupan mula mengakar dalam masyarakat. Antaranya ialah falsafah rasionalisme yakni falsafah yang mengutamakan peranan akal lebih daripada segalanya, termasuklah dalam hal ehwal agama (Sulaiman, 2001; Abdul Rahman, 2015). Rene Descartes (1596-1650) antara tokoh yang paling berpengaruh dalam falsafah ini berpendapat bahawa semua organisma hidup tertakluk kepada hukum-hukum fizik semata-mata. Manakala Thomas Hobbes (1588-1679) bertindak lebih berani dengan mengeluarkan pendapat bahawa ajaran Gereja merupakan ajaran yang karut (Abdul Latif, 2009). Tokoh-tokoh falsafah ini amat bersungguh-sungguh dalam meruntuhkan sistem Gereja yang dianggap menghalang kemajuan dengan menolak semua sistem-sistem nilai spiritual atau transenden seperti akhlak, dosa asli (*original sin*) dan dogma-dogma Gereja yang lain. Tambahan lagi, gerakan yang dicetuskan oleh falsafah Humanisme di Itali juga turut mengubah tasawur masyarakat Barat secara perlahan kepada tasawur yang sekular. Machiavelli Nicollo (1467-1527) umpamanya, turut menentang gereja dengan merendah-rendahkan kewibawaan Gereja dan menggalakkan berlakunya pemisahan antara agama dan pemerintahan (Sulaiman, 2001). Doktrin Kristian, perlahan-lahan luntur dominasinya dalam pemikiran masyarakat Barat dan digantikan dengan falsafah moden yang dibawa oleh tokoh-tokoh Renaisans.

Dari sini tasawur masyarakat Barat mula berubah sekaligus mempengaruhi pandangan mereka

mengenai hakikat alam. Walaupun secara umumnya masyarakat Barat masih lagi mempercayai kewujudan dan kekuasaan Tuhan, namun pandangan mengenai hakikat alam sudah tidak sama dengan pandangan asal Gereja. Sebelum berlakunya Pencerahan dan Renaisans masyarakat Barat memandang penciptaan alam dan makhluk berdasarkan falsafah organik-metafizik, tetapi setelah itu pandangan ini berubah beransur-ansur kepada falsafah jentera mekanikal (*mechanical world*). Falsafah ini turut merubah pandangan mereka terhadap hakikat manusia di mana manusia dipandang sebagai sebuah jentera organik yang terdiri daripada komponen-komponen kecil. Bahkan bagi pendapat sesetengah pihak, perbincangan mengenai kaitan jasad dan roh sudah tidak lagi relevan sewaktu ini. Walaupun masih ramai masyarakat Barat menganut agama Kristian, namun pandangan mereka terhadap kebanyakan perkara tidak lagi berpandukan dengan ajaran agama tersebut. Secara perlahan-lahan masyarakat Barat memisah dan meninggalkan agama di belakangnya lantas membawa kepada lahirnya masyarakat sekular (Sulaiman, 2009).

Pandangan Barat Moden dan Pasca-moden

Pada hujung abad ke-18, ateisme telah menjadi agenda kebanyakan negara Eropah. Kemajuan sains dan teknologi melahirkan semangat autonomi baru kepada manusia untuk membebaskan diri daripada tuhan. Pada abad ini tokoh-tokoh falsafah dan saintis memberikan pelbagai pandangan yang merombak pemikiran masyarakat Barat secara beransur-ansur. Antara tokoh yang membentuk tasawur Barat moden adalah Ludwig Feuerbach (1804-1872), ahli falsafah German yang amat terkenal dengan karyanya *The Essence of Christianity*, mengkritik hebat ajaran Kristian dan mendukung fahaman ateisme. Ramai tokoh pada zaman ini cenderung kepada falsafah logikal-positivisme dan logikal-empirisisme dimana rasional dan data empirikal dijadikan sumber utama dalam membina teori dan pemikiran mereka. Tokoh-tokoh seperti Karl Marx (1818-1883), Friedrich Nietzsche (1844-1900) dan Sigmund Freud (1856-1939) telah melahirkan tasawur Barat yang bersifat naturalistik dan materialistik yang menggantikan tasawur Kristian. Pada zaman ini sekularisme sudah mencapai tempoh matangnya apabila dan digantikan dengan ateisme. Masyarakat Barat mula cenderung menolak keberadaan dan peranan entiti supernatural seperti tuhan, malaikat dan ruh dalam kehidupan mereka (Clarke, 2009).

Dengan berubahnya tasawur Barat pada permulaan era moden maka kefahaman mengenai konsep manusia juga berubah. Pandangan Kristian berkenaan asal usul makhluk mula diragui masyarakat

akan kerelevannya. Misalnya ajaran Kristian menerangkan bahawa tuhan telah menciptakan sejumlah spesies kemudian berlaku penghibridan yang menghasilkan variasi spesies. Penjelasan sebegini dilihat tidak saintifik dan dipengaruhi dogma Kristian semata-mata. Jawapan tersebut tidak mampu memuaskan hati masyarakat Barat moden yang terdedah dengan pemikiran logikal-positivisme. Menurut Sulaiman (2001) Kegagalan autoriti agama dalam berhujah berkenaan isu ini (dan juga isu sains yang lain) adalah tokoh tambah dan penyelewengan terhadap agama itu sendiri. Kitab Bible yang telah diseleweng tidak mampu menjawab persoalan saintifik kerana telah ditokok tambah hingga menghilangkan keaslian kitab itu. Disebabkan bukan semua di dalam Bible adalah wahyu Tuhan, maka banyak perkara yang bertentangan dengan kajian saintifik. Seterusnya pada tahun 1810-an, Jean-Baptiste Lamarck telah mengemukakan teori evolusi yang komprehensif mengenai bagaimana variasi organisma berlaku (Firenze, 1997). Hal ini telah menjadi perhatian masyarakat Barat terutamanya apabila penjelasan yang beliau berikan bersifat logikal dan diperkuatkan dengan kaedah saintifik. Kredibiliti pihak Gereja sekali lagi tercalar apabila tidak mampu membalas pendapat Lamarck dengan penjelasan dan bukti saintifik.

Kemudian pada tahun 1858, Charles Darwin melalui bukunya berjudul *The Origin of Species* telah mengemukakan teori Evolusi berasaskan seleksi semula jadi (*natural selection*). Teori ini benar-benar mencabar pandangan konvensional masyarakat Barat terhadap kejadian dan asal usul makhluk yang ada di muka bumi dan termasuklah manusia. Pendapat beliau ini disokong dengan hasil pemerhatiannya terhadap kepelbagaian jenis haiwan yang beliau temui di Pulau Galapagos sewaktu pelayaran bersama kapal HMS Beagle. Beliau berpendapat bahawa seleksi semulajadi merupakan jawapan kepada kepelbagaian spesies haiwan. Secara umumnya, terdapat beberapa asas yang menjadi tiang kepada teori Darwin iaitu sesuatu kehidupan akan berubah dan berbeza daripada induknya, wujudnya leluhur yang sama (*common ancestor*) bagi semua makhluk hidup, evolusi merupakan proses gradual, evolusi membawa kepada pertambahan jumlah spesies dan percabangan garis keturunan (*lineage*) dan seleksi alam merupakan mekanisme evolusi yang utama. Seterusnya melalui karya berjudul *The Descent of Man* (1871), Darwin membuat hipotesis bahawa manusia berasal daripada Afrika dan spesies manusia adalah hasil evolusi daripada makhluk yang lebih primitif yang seakan-akan mawas melalui proses seleksi semulajadi.

Pada awalnya, teori ini mendapat tentangan masyarakat Barat yang secara umumnya masih

berpegang dengan agama Kristian, namun akhirnya teori ini menjadi popular apabila kebanyakan saintis dan intelektual Barat yang mempunyai pemahaman naturalistik yang sudah lama tidak bersetuju dengan autoriti agama mendukung serta mengembangkan teori ini. Pandangan mengenai alam berdasarkan Taswur Kristian dipersoalkan keabsahannya melalui gerakan yang mengangkat isu-isu berkenaan pertentangan antara sains dan dogma Kristian. Di England, iaitu tanah tempat kelahiran Darwin, isu ini mendapat perhatian tokoh masyarakat, pihak media, pemegang taruh bidang pendidikan dan juga pihak autoriti Kristian. Pertentangan idea ini berubah menjadi satu polemik apabila merebak ke institusi pendidikan terkemuka seperti Oxford dan Cambridge hinggakan ada isu yang dibawa ke mahkamah untuk diadili (Hellman, 2009).

Namun begitu, teori Darwin hampir sahaja terkubur apabila bidang genetik diperkenalkan namun para pendukung teori ini memperbaiki teori Darwin seiring dengan perkembangan bidang sains seperti menyesuaikan dengan kajian DNA dan genetik. Pembaharuan ini telah menghasilkan teori baru iaitu Neo-Darwinisme atau turut dikenali sebagai Evolusi Sintesis Moden (*Modern Synthetic Theory of Evolution*) (Noble 2011). Teori Darwin juga memberi impak kepada bidang lain sehinggakan ada pihak meletakkan teori ini sebagai satu falsafah atau pemikiran yang tidak terhad kepada bidang biologi semata-mata (Hodge 1874). Istilah dan teori baru seperti *Social Darwinism* (Gough 2008) dan *Economic Darwinism* (Sloth, 2011) misalnya, telah menandakan pemikiran masyarakat Barat dipengaruhi oleh teori ini lantas memandang manusia dan kehidupan dari kacamata sekular secara mutlak.

Teori Darwin dan falsafah naturalistik yang berkembang di Barat telah memberi kesan terhadap pandangan masyarakat berkenaan konsep manusia. Nilai kesakralan dan transenden hilang daripada konsep manusia moden (Abdul Latif, 2009). Malah nilai ketinggian dari sudut rohani dan spiritual juga terhapus kerana manusia tidak lagi ditakrifkan berdasarkan wahyu sebaliknya ditakrif berdasarkan falsafah dan ilmu sains. Takrifan manusia pada zaman moden dan pasca moden semakin luas dan berbeza berdasarkan bidang ilmu. Misalnya dari sudut ilmu biologi, manusia adalah hasil evolusi organisma primitif dan hanyalah salah satu spesies daripada jutaan spesies yang ada dalam pokok evolusi yang kompleks. Berbeza pula dengan pendapat Adam Smith dan Karl Marx, yang mendefinisikan manusia sebagai agen ekonomi semata-mata. Takrifan yang pelbagai mengenai manusia akibat terbebasnya pemikiran Barat dari tasawur Kristian menyebabkan segala perbincangan berkenaan manusia terpisah-pisah, tidak

menyeluruh dan tidak konsisten. Natiujahnya masyarakat Barat gagal dalam mencari makna serta hakikat manusia yang sebenar.

Dalam kekeliruan Barat dalam mencari hakikat manusia, terdapat sesetengah pihak cuba menghapuskan terus peranan dan kaitan tuhan dengan manusia. Mereka cuba menerangkan agama dan tuhan melalui ilmu sains seperti bidang genetik tingkah laku (*behavioural genetics*), neorobiologi dan psikologi. Misalnya Dean Hamer (2015) dalam karya *The God Gene: How Faith is Hardwired into our Genes* berpendapat bahawa terdapat genetik yang bertanggungjawab dalam pengekspresan gen seterusnya menyebabkan tindak balas kimia yang mempengaruhi perasaan dan tingkah laku individu untuk mempercayai tuhan. Hal ini sekaligus cuba menafikan secara keseluruhan kaitan manusia dengan tuhan. Sekiranya hakikat manusia itu telah terlepas daripada nilai ketuhanan, maka sistem kehidupan manusia juga akan bebas daripada sebarang nilai agama. Perkembangan masyarakat Barat dilihat amat membimbangkan kerana semakin menjauhi nilai ketuhanan dalam tasawur mereka.

Kesimpulan

Pandangan Barat mengenai asal usul manusia dipengaruhi oleh tasawur sesebuah masyarakat yang berbeza dari satu zaman ke satu zaman. Tasawur amat berkait rapat dengan perkembangan falsafah serta agama yang dianuti oleh tamadun tersebut. Tamadun Barat telah mengalami perubahan pandangan terhadap kejadian manusia berdasarkan tasawur masyarakatnya pada waktu itu. Bermula daripada penciptaan manusia oleh dewa-dewa daripada mitos dan khayalan, beralih kepada pandangan falsafah Aristotle di zaman Yunani dan Rom, kemudian beralih pula kepada penciptaan manusia oleh Tuhan yang dibawa oleh agama Nasrani (Kristian), sehinggalah kepada zaman moden dan pascamoden yang berpegang kepada pandangan evolusi naturalistik.

Walaupun tidak semua masyarakat Barat berpegang kepada pandangan ini dan masih ramai yang berpegang dengan ajaran Kristian namun perkembangan pemikiran sekular telah menyebabkan ramai daripada masyarakat Barat mengambil langkah memisahkan keimanan dalam beragama dan kehidupan. Ada juga saintis dan sarjana Barat yang cuba mencari jalan tengah antara teori evolusi dan dogma Kristian dalam mencari jawapan mengenai hakikat dan asal usul manusia. Di tambah pula dengan penyebaran falsafah naturalistik dalam kalangan masyarakat Barat yang menafikan secara total akan kewujudan Tuhan dan perkara ghaib telah menambah

kerancuan dan kekeliruan mereka dalam persoalan hakikat dan asal usul manusia.

Kegagalan dalam mencari makna dan hakikat manusia menyebabkan masyarakatnya gagal mencari makna kebahagiaan. Banyak ahli falsafah dan pemikir baik dari Barat dan dunia Islam bimbang dengan perkembangan tamadun Barat yang tidak seimbang antara rohani dan jasmani. Ketidakseimbangan ini diibaratkan seperti bom jangka yang boleh meletup pada bila-bila masa seterusnya meruntuhkan tamadun tersebut.

Rujukan

- Abdul Latif (2009). *Pengaruh Budaya Sains Terhadap Sains Barat*. Wacana Sejarah dan Falsafah Sains: Sains dan Masyarakat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman (2015). *Wacana Falsafah Barat: Tinjauan dan Kritikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Hasan (1984). *Kerugian Dunia Karena Kemunduran Umat Islam*. Kerjaya Printing Industries Pte Ltd. Singapura.
- Baker, S. (2007). *Ancient Rome*. BBC Books.
- Bowden, J. (2005). *Encyclopedia of Christianity*. Oxford University Press.
- Sloth, Birgitte. Hans Jørgen Whitta-Jacobsen. (2011). *Economic Darwinism. Theory And Decision*.
- Crawford, C. (1977). *Bible Study textbook: Survey Course in Christian Doctrine*. Vol 1. College Press.
- Denis Noble. (2011). *Neo-Darwinism, The Modern Synthesis And Selfish Genes: Are They Of Use In Physiology?* The Physiological Society.
- Firenze (1997). *Lamarck vs. Darwin: Dueling Theories*. Reports of the National Center for Science Education. Bil.17, no.4.
- Fritz Graf (1996). *Greek Mythology: An Introduction*. JHU Press.
- Gough I., Runciman G., Ruth Mace, Geoffrey Hodgson & Michael Rustin. (2008). *Darwinian Evolutionary Theory And The Social Sciences*. Twenty-First Century Society Journal.
- Goldberg, S. (1984). *Understanding Relativity: The Rise and Fall of the Mechanical World View*. Birkhäuser Boston, Inc.
- Hamilton, Edith. (1994). *Mythology*. Boston: Little, Brown, and Co.
- Hellman, Hal. (2009). *Perbalahan Hebat Dalam Sains*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara.
- Hill, D. (2007). *Ancient Rome: From Republic to the Empire*. Parragon.
- Hodge, Charles. (1874). *What Is Darwinism?* New York: Scribner, Armstrong, And Company.
- Jamil Ragep (2007). *Copernicus and His Islamic Predecessors : Some Historical Remarks*. Science History Publication.
- Matyszak, P. (2010). *The Greek and Roman Myths: A Guide to the Classical Stories*, Thames Hudson Press.
- Shukri, M. (2014). *Tasawur Islam dan Pembangunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sulaiman, N. (2001). *Sejarah Pemikiran 1 : Sumber Ilmu, Perbandingan Ideologi dan Orde Baru Dunia*. Selangor: Fulson.
- Sulaiman, N. (2009). *Sains, Falsafah dan Islam. Wacana Sejarah dan Falsafah: Sains dan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Steve Clarke (2009). *Naturalism, Sciences and Supernatural*. *Sophia*. Vol 48: 127-142.
- Vidal, C. (2008). *What is a worldview?*. Van Belle Journal.
- Wan Fuad (2009). *Revolusi Sains dan Perubahan Pemikiran*. Wacana Sejarah dan Falsafah Sains: Sains dan Masyarakat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Yusof (2009). *Beberapa Kritikan Terhadap Falsafah Barat Modern*. Wacana Sejarah dan Falsafah Sains: Sains dan Masyarakat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zakaria Daud (1996). *Agama Kristian Kini dan Pengasasnya*. Jurnal Usuluddin.